



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 10/2025**

**RAMADAN GELANGGANG MENGGANDAKAN  
AMALAN**

**6 RAMADAN 1446**

*Bersamaan*

**7 MAC 2025**

**DIKELUARKAN OLEH:**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **5 RUKUN KHUTBAH**

1. Memuji Allah SWT
2. Selawat Ke Atas Nabi Muhammad SAW
3. Berpesan supaya bertaqwa kepada Allah
4. Membaca Satu Ayat Al-Quran yang lengkap lagi jelas maknanya
5. Doa Kepada Orang Beriman Dalam Khutbah Kedua

**Khatib hendaklah menyampaikan semua rukun-rukun khutbah dalam bahasa Arab walaupun ia tidak difahami oleh para Jemaah.**

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا طَيِّبًا كَثِيرًا مُبَارَكًا فِيهِ كَمَا يُحِبُّ رَبُّنَا وَيَرْضَى،

RUKUN

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنِ

RUKUN

اهْتَدَى بِهُدَاهُمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ.

RUKUN

### **Saudaraku Muslimin yang dimuliakan sekalian**

Marilah kita sentiasa bertakwa kepada Allah swt dengan terus berusaha menjalankan perintahNya dan menjauhi semua laranganNya. Marilah juga pada hari yang mulia ini, kita mendengar dengan penuh perhatian terhadap khutbah yang bertajuk:

### **RAMADAN GELANGGANG MENGGANDAKAN AMALAN.**

#### **Saudara yang dirahmati Allah**

Ramadan adalah medan yang luas untuk melakukan pelbagai amalan saleh untuk meraih keuntungan akhirat yang amat hebat. Nabi saw bersabda:

إِذَا دَخَلَ رَمَضَانُ فَتَّحَتْ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ، وَغُلِّقَتْ أَبْوَابُ جَهَنَّمَ،

وَسُلِّسَتْ الشَّيَاطِينُ.

**Maksudnya :** "Apabila masuk bulan Ramadhan, maka dibukalah pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka, dan dibelenggu syaitan-syaitan."

(Hadits Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Berpuasa pada bulan Ramadan adalah ibadat yang wajib lagi istimewa kerana seseorang yang berpuasa sanggup meninggalkan aktiviti biasanya seperti makan, minum dan kemahuan syahwatnya semata-mata menurut perintah Allah swt.

Firman Allah swt dalam sebuah hadis qudsi:

كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ يُضَاعَفُ، الْحَسَنَةُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا، إِلَى سَبْعِ مِائَةٍ ضِعْفٍ،  
قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: إِلَّا الصَّوْمَ؛ فَإِنَّهُ لِي، وَأَنَا أَجْزِي بِهِ،  
يَدَعُ شَهْوَتَهُ وَطَعَامَهُ مِنْ أَجْلِي.

**Maksudnya :** "Setiap amalan anak Adam digandakan ganjarannya, satu kebaikan adalah seumpama 10 gandaannya sehingga 700 ganda. Firman Allah swt : Kecuali puasa, ia adalah untuk-Ku, Akulah yang akan membalasnya, dia sanggup meninggalkan keinginannya dan makanannya kerana Ku.

(Hadis Riwayat Muslim)

**Hadirin yang diberkati Allah sekalian,**

Pada bulan Ramadan juga dianjurkan untuk bersedekah dan Nabi saw adalah orang yang paling dermawan pada bulan Ramadan. Antara bentuk sedekah adalah sumbangan wang dan makanan kepada yang memerlukan, pemberian bakul Ramadan, menyediakan makanan berbuka untuk mereka yang akan berbuka puasa, mengagihkan bantuan dan pertolongan kepada mana-mana pihak yang berhajat

Ramadan juga adalah bulan Al-Quran. Bertadarus, bertadabbur dan beramal dengan isi kandungannya merupakan amalan yang amat digalakkan, sesuai dengan kemuliaan Ramadan sebagai bulan diturunkan al-Quran. Firman Allah swt dalam surah al-Baqarah ayat 185:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ

الهُدَى وَالْفُرْقَانِ .....

**Maksudnya :** (Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah.....

Adalah digalakkan juga bagi mereka yang dalam proses pembelajaran, gunakan kesempatan Ramadan ini untuk meningkatkan kemahiran membaca al-Quran dan bertadarus. Baginda Nabi saw sering kali bertadarus dan membaca Al -Quran bersama Jibril as pada setiap malam di bulan Ramadan yang menjelaskan keistimewaan membaca Al-Quran pada bulan Ramadan ini.

### **Saudara Muslimin yang dirahmati Allah**

Baginda Nabi saw juga menganjurkan kepada umat Islam agar menghidupkan malam Ramadan dengan qiamullail, antaranya solat tarawih yang hanya dikhususkan pada bulan Ramadhan, selain amalan berdoa, bersedeqah dan seumpamanya.

Sabdanya saw :

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

**Maksudnya** : Barangsiapa yang solat malam Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran Allah, dosa-dosanya yang telah lalu akan diampuniNya.

(Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Amalan berkenaan perlu digandakan terutama apabila masuknya 10 terakhir Ramadan nanti, yang ada padanya Lailatul Qadar dengan ganjaran beribadah padanya lebih baik daripada seribu bulan.

Firman Allah swt dalam Surah Al- Qadr ayat 3-4:

لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾ نَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ  
رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾

**Maksudnya** : Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut).

### Musimin sekalian

Bagi mereka yang diberikan kelebihan dan kesenangan, dianjurkan pada bulan Ramadan untuk mengerjakan ibadat umrah kerana ganjaran pahalanya amat tinggi.

Sabda Nabi saw :

فَإِذَا جَاءَ رَمَضَانُ فَاعْتَمِرِي فَإِنَّ عُمْرَةً فِيهِ تَعْدِلُ حَجَّةً مَعِي

**Maksudnya** : Apabila datangnya Ramadan, laksanakanlah ibadat umrah kerana suatu umrah pada bulan Ramadan menyamai suatu haji bersamaku.

(Hadis Riwayat Muslim)

Kesemua amalan soleh pada bulan Ramadan yang disediakan pahala yang hebat itu menunjukkan bahawa Ramadan adalah gelanggang untuk beramal soleh. Allah swt melimpahkan kepada hamba-hambaNya pelbagai kurniaan, rahmat, ampunan, dan maghfirahNya.

Sambutlah kehadiran Ramadan pada tahun ini dengan sebaik-baik sambutan dan serlahkanlah kesungguhan masing-masing untuk beribadah padanya dengan terbaik mungkin. Jauhilah diri daripada sebarang majlis yang melalaikan hati, menghiburkan syahwat, siaran tontonan yang meleakakan dan mainan yang menjauhkan diri daripada rahmat Allah swt.

### **Hadirin yang dimuliakan**

Orang yang beramal dan beriman diumpamakan seperti lebah, yang berpindah-pindah di kebun-kebun ibadah dan di antara bunga-bunga ketaatan. Sese kali dilihat dia bersolat, kadang-kadang dia membaca al-Quran, dia tekun bertasbih, bertakbir, bertahlil dan beristighfar. Dia juga sering menghulurkan bantuan dan bersedekah, bersama golongan da'i dengan penuh hikmah dan menggunakan nasihat yang baik.

Golongan sebeginilah yang memiliki ciri-ciri taqwa dan dikasihi oleh Allah swt sebagaimana dalam sebuah hadis qudsi yang bermaksud:

"Dan senantiasa hambaKu mendekatkan diri kepadaKu dengan amalan-amalan sunnah sehingga Aku mencintainya, jika dia meminta kepadaKu, pasti Aku akan memberinya dan jika dia mohon perlindunganKu, pasti Aku akan melindunginya."

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Justeru, marilah kita bersama-sama merebut peluang Ramadan dengan menggandakan amalan ibadah serta meneladani golongan yang soleh, meniru kegiatan mereka yang berjaya dalam hidup akhiratnya, menjauhi sifat pemalas dan golongan yang menjauhi amalan kebajikan, agar kita mendapat keberkatan dalam kehidupan dunia ini dan kejayaan di Akhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً

طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

**Maksudnya** :Sesiapa yang beramal saleh, dari lelaki atau perempuan sedang ia beriman, maka sungguh Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan.

(Surah An-Nahlu : 97)



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،

RUKUN

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

RUKUN

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

RUKUN

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Menjadi kelaziman umat Islam pada bulan Ramadan menunaikan ibadat zakat. Pelaksanaan ibadat zakat menunjukkan ketaatan seorang hamba melaksanakan perintah Allah s.w.t. untuk membantu golongan yang berada dalam kesusahan. Justeru, umat Islam disaran untuk menunaikan zakat di bulan Ramadan bagi meraih ganjaran yang berlipat kali ganda.

Bayarlah zakat kepada amil-amil bertauliah yang dilantik oleh MAIDAM agar golongan asnaf di Terengganu dapat menerima manfaat daripada zakat yang ditunaikan. Mudah-mudahan Allah SWT mengurniakan sebaik-baik ganjaran atas pelaksanaan ibadat zakat fitrah dan dilipatgandakan rezeki berserta keberkatan daripada-Nya.

## Sidang Jumaat sekalian

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.  
اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

RUKUN

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ  
الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى  
السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا  
وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ  
مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلِّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ  
أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ.

**Ya Allah,**

Teguhkanlah Iman kami dalam menempuh segala mehnah dan ujianMu, Kekalkanlah keamanan, keselamatan dan kesejahteraan kepada negara kami Malaysia dan negeri kami Terengganu Darul Iman, Jadikan negeri kami ini negeri yang aman. Jauhi negeri kami daripada sebarang musibah, perpecahan dan huru hara.

**Ya Allah,**

Cemerlangkanlah pendidikan anak-anak kami, Tambahkanilah ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

**Ya Allah,**

Anugerahkan pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di palestina. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada mereka dalam menghadapi kekejaman rejim zionis. Peliharakanlah bumi baitul maqdis dan seluruh saudara kami disana. Amiin amiiin Ya Rabbal alamin.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

**عِبَادَ اللَّهِ!**

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،

وَلَذِكُرِ اللَّهَ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَىٰ صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.